



JURNAL LINGUISTIK Vol. 29 (2) November 2025 (152-166)

Penggunaan Ayat Perintah dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Linguistik Tahun Tiga di Universiti Kebangsaan Malaysia: Analisis Program Minimalis

¹Muhamad Haszif Muhammad Yusof & ²Fazal Mohamed Mohamed Sultan

¹mhmdhaszif1809@gmail.com, ²fazal@ukm.edu.my

*Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.*

Tarikh terima : 28 September 2025
Received
 Terima untuk diterbitkan : 02 November 2025
Accepted
 Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2025
Published online

Abstrak

Makalah ini membincangkan tentang ayat perintah bahasa Melayu yang wujud dalam perbualan harian pelajar-pelajar sarjana muda linguistik tahun tiga di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Ayat perintah ialah ayat yang digunakan untuk meminta atau mengarahkan seseorang melakukan sesuatu dan dapat dibahagikan kepada ayat larangan, permintaan, silaan serta suruhan. Kajian yang mendalam terhadap ayat perintah ini dapat menambah pemahaman terhadap struktur ayat yang digunakan oleh pelajar universiti sama ada secara lisan mahupun bukan lisan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis ayat perintah menggunakan Analisis Program Minimalis yang dilihat sebagai kerangka teori yang sesuai kerana merupakan teori yang ditambah baik dari Teori Kuasaan dan Tambatan. Tambahan lagi, kerangka ini membuat andaian bahawa setiap leksikal itu wujud dalam bentuk dasar di dalam leksikon selari dengan ayat perintah yang melalui penghasilan leksikal bagi ayat dalam otak manusia. Pengumpulan data ayat perintah adalah melalui borang soal selidik daripada responden yang terdiri daripada 44 orang pelajar. Kajian ini telah mendapati bahawa subjek dalam ayat perintah yang dipendam oleh penutur iaitu Kata Ganti Nama (KGN) dipengaruhi oleh *pro* kecil sebagai pengganti SPEK/ subjek tanpa menjejaskan proses derivasi dan penyampaian arahan/ perintah penutur kepada pendengar yang mengutuhkannya lagi teori minimalis Chomsky (2015) serta kerelevanan Program Minimalis dalam mengkaji ayat perintah.

Kata Kunci: ayat perintah, Program Minimalis, pelajar linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia

The Use of Imperative Sentences Among Third-Year Bachelor of Linguistics Students at The National University of Malaysia: A Minimalist Program Analysis

Abstract

*This paper discusses imperative sentences in Malay that appear in the daily conversations of third-year undergraduate linguistics students at The National University of Malaysia. Imperative sentences are sentences that are used to request or instruct someone to do something and can be divided into prohibitive, request, invitational and directive sentences. An in-depth study of these imperative sentences can enhance understanding of sentence structure used among university students, both verbally and non-verbally. Therefore, this study aims to analyse imperative sentences using the Minimalist Program Analysis, which is considered an appropriate theoretical framework as it is an improved version of the Government and Binding Theory. Furthermore, this framework assumes that every lexical item exists in its basic form within the lexicon, in parallel with the process of generating imperative sentences through lexical derivation in the human mind. The data collection of imperative sentences was conducted through questionnaires distributed to 44 students. The study found that the subject in imperative sentences is often omitted by the speaker, namely the Pronoun which is influenced by small *pro* as a substitute for*

SPEC/ subject without affecting the derivation process and the delivery of the speaker's instruction or command to the listener. This further strengthens Chomsky's Minimalist Program theory (2015) and the relevance of the Minimalist Program in examining imperative sentences.

Keywords: imperative sentences, Minimalist Program, linguistics students, The National University of Malaysia

1. Pengenalan

Bahasa menurut *Kamus Linguistik* (1982), merujuk kepada sistem lambang bunyi suara yang digunakan sebagai alat perhubungan dalam sesuatu kelompok manusia untuk melahirkan perasaan dan fikiran. Noam Chomsky (1957) mendefinisikan bahasa sebagai suatu set ayat yang mempunyai had panjang dan tersusun dengan menggunakan satu set unsur yang terhad. Manusia menggunakan bahasa sebagai alat komunikasi utama untuk berhubung dan berinteraksi antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Ayat perintah adalah salah satu jenis ayat yang sangat penting dalam bahasa Melayu dan memiliki peranan yang signifikan dalam komunikasi harian. Secara umum, ayat perintah adalah ayat yang digunakan untuk memberi arahan, permintaan atau suruhan kepada orang lain. Ayat ini sering kali bertujuan untuk mendorong tindakan atau tingkah laku tertentu daripada penerima mesej (*Kamus Linguistik*, 1982). Ayat perintah biasanya ditandai dengan penggunaan kata kerja bentuk perintah dan kadangkala diakhiri dengan tanda seru.

Menurut Nadzimah Mohamed (2013), ayat perintah merupakan ayat yang digunakan untuk meminta atau mengarahkan seseorang melakukan sesuatu. Ayat ini terdiri daripada subjek dan predikat di mana subjeknya adalah orang yang diarah atau diberi arahan, sementara predikatnya adalah tindakan yang perlu dilaksanakan oleh subjek tersebut. Dalam bahasa Melayu, kata kerja yang digunakan dalam ayat perintah lazimnya adalah dalam bentuk kata kerja transitif atau tak transitif yang memberi arahan yang jelas dan terperinci. Ayat perintah dapat dibahagikan kepada empat jenis utama iaitu ayat larangan, permintaan, silaan dan suruhan. Jenis-jenis ayat perintah ini dipengaruhi oleh struktur-struktur dan fungsi yang berbeza bergantung pada konteks dan tujuan sesuatu situasi itu. Menurut Abdullah Hassan (1996), ayat perintah adalah salah satu daripada empat jenis ayat dalam tatabahasa Melayu, selain ayat penyata/ berita, ayat tanya dan ayat seruan. Beliau menyatakan bahawa ayat perintah biasanya lebih bergantung pada konteks dan intonasi untuk menyampaikan maksud yang tepat. Beliau juga berpendapat bahawa penggunaan ayat perintah seringkali dipengaruhi oleh hubungan antara pengucap dan pendengar di mana dalam situasi formal, bentuk perintah yang lebih lembut atau sopan akan digunakan.

1.1 Permasalahan Kajian

Dalam era globalisasi yang kian berkembang pesat, komunikasi interpersonal memainkan peranan yang sangat penting dalam membina rangkaian sosial serta mengukuhkan jati diri masyarakat di persada antarabangsa. Keperluan memahami struktur dan fungsi bahasa semakin mendesak, selaras dengan kemajuan teknologi komunikasi yang menuntut penggunaan bahasa yang tepat dan berkesan (Nurul Afiqah Mohamad & Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2021). Bahasa bukan sahaja menjadi medium utama dalam menyampaikan maklumat, malah berfungsi sebagai alat untuk mempengaruhi tingkah laku, membina persepsi dan memperkukuhkan hubungan sosial (Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Grace Wong Bee Yan, 2023). Dalam konteks linguistik kontemporari, aspek sintaksis mendapat perhatian yang mendalam kerana ia membantu memahami struktur dalaman bahasa dan bagaimana ayat dibentuk dalam otak manusia sebelum diujarkan (Noam Chomsky, 1995; Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nur Affika Ahmad, 2020).

Di peringkat lokal, terdapat keperluan untuk mengkaji penggunaan ayat perintah dalam kalangan pelajar universiti sebagai satu bentuk komunikasi harian yang penting. Ayat perintah bukan sekadar bentuk linguistik tetapi juga medium refleksi kuasa, kepatuhan dan interaksi sosial (Farha Najwa Ikhwan & Khazri Osman, 2022). Kajian lepas banyak memberi fokus kepada penggunaan ayat perintah dalam teks bertulis seperti novel dan wacana sastera (Hasnah Mohammad et al. 2014), tetapi kajian terhadap penggunaan ayat perintah secara lisan dan bukan lisan dalam kalangan pelajar, khususnya di peringkat universiti, masih terhad. Penyelidikan terdahulu juga kurang mengaitkan analisis ayat perintah dengan

kerangka teori sintaksis moden seperti Program Minimalis yang memberikan sudut pandang baharu terhadap pembentukan struktur ayat (Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nur Affika Ahmad, 2021).

Terdapat kelompondan dari segi aplikasi teori dalam konteks praktikal di lapangan, terutama berkaitan bagaimana ayat perintah digunakan dalam kehidupan seharian pelajar yang sering berinteraksi dalam pelbagai situasi. Penyelidikan terkini menunjukkan bahawa pendekatan Program Minimalis lebih efektif dalam menjelaskan fenomena sintaksis kerana ia menekankan prinsip ekonomi dan kecekapan dalam pembentukan ayat (Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Grace Wong Bee Yan, 2023). Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan ayat perintah dalam kalangan pelajar universiti dengan menggunakan pendekatan Program Minimalis, sekaligus memberikan perspektif baharu terhadap fungsi dan struktur ayat perintah dalam konteks tempatan.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

- i. mengkategorikan ayat perintah yang digunakan oleh pelajar linguistik tahun tiga mengikut jenis-jenisnya.
- ii. menganalisis ayat perintah menggunakan Analisis Program Minimalis.

2. Sorotan Literatur

2.1 Ayat Perintah dalam Konteks Penulisan

Hasnah Mohammad et al. (2014) dalam kajian mereka mengenai novel "*Kabus di Perbukitan*" mendapati bahawa ayat perintah digunakan secara meluas dalam bentuk ayat suruhan dan larangan untuk menunjukkan kuasa, kedudukan sosial dan hubungan antara watak. Ayat suruhan paling banyak digunakan kerana sifatnya yang lebih tegas dan dominan, diikuti ayat larangan yang berfungsi mengekang tingkah laku (Hasnah Mohammad et al. 2014). Namun begitu, kajian ini hanya tertumpu kepada medium bertulis dan tidak mengambil kira unsur lisan atau bukan lisan. Hal ini membuka ruang untuk memperluas kajian kepada konteks komunikasi langsung bagi memahami keberkesanan sebenar. Selain itu, kajian oleh Farha Najwa Ikhwan & Khazri Osman (2022) meneliti ayat perintah dalam Al-Quran khususnya yang berkaitan dengan ibadah solat. Penulis mendapati bahawa ayat perintah menekankan autoriti mutlak serta ketaatan, menunjukkan peranan penting ayat perintah dalam membina makna dan kesan psikologi kepada pembaca. Namun, fokusnya masih terhad kepada konteks agama dan bertulis sahaja. Begitu juga, kajian oleh Kartika Puspendari (2016) mengenai pencapaian ayat perintah dalam bahasa Inggeris mendapati bahawa ayat perintah bukan sahaja mencerminkan kehendak penutur, tetapi juga menunjukkan dinamik kuasa. Puspendari memfokuskan aspek pragmatik dan sociolinguistik tetapi tidak menghubungkan data dengan analisis sintaksis moden. Oleh itu, keperluan untuk melihat ayat perintah dalam konteks sosial semasa secara lisan semakin penting.

2.2 Ayat Perintah dalam Konteks Kontrastif

Kajian kontrastif oleh Fauzi Azmi et al. (2021) yang membandingkan antara ayat perintah dalam bahasa Arab dengan Melayu menekankan persamaan implikatur antara kedua-dua bahasa, di mana ayat perintah bukan hanya bersifat literal tetapi mengandungi maksud tersirat yang kompleks. Hasil kajian ini penting untuk memudahkan pengajaran bahasa asing. Namun, kajian ini tidak mengaitkan data dengan teori sintaksis moden seperti Program Minimalis, sebaliknya hanya menggunakan teori transformasi generatif. Ekoran daripada itu, Gitonga Jackline & Henry S. Nandelenga (2022) dalam kajian perbandingan antara ayat perintah dalam bahasa Inggeris dengan Kiigembe mendapati perbezaan struktur ayat perintah menunjukkan keunikan budaya dan pola interaksi sosial masing-masing. Meskipun kajian ini memperkaya pengetahuan kontrastif, ia tidak mengupas proses sintaksis dalaman ayat perintah secara mendalam. Kajian oleh Tenti Budiastuti (2020) pula meneliti ayat perintah dalam medium pembelajaran Indonesia dan mendapati bahawa ayat perintah sering digunakan untuk menyampaikan perintah yang mudah difahami oleh pendengar. Kajian ini menekankan peranan ayat perintah dalam

membentuk fungsi pengajaran dan pembelajaran (PdP) tetapi tidak mengkaji struktur sintaksis dalam yang lebih mendalam menggunakan kerangka terkini.

2.3 Analisis Sintaksis dalam Konteks Dialek

Selain itu, Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nur Affika Ahmad (2020) menganalisis kata kerja bantu dalam dialek Melayu Kedah menggunakan Program Minimalis. Hasil kajian menunjukkan bahawa variasi struktur ayat banyak dipengaruhi oleh keperluan pragmatik setempat untuk mengekalkan kejelasan makna sambil meminimumkan unsur sintaksis yang tidak perlu. Nurul Afifah Mohamad & Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2021) dalam kajian terhadap kata kerja bantu dalam dialek Melayu Terengganu pula mendapati bahawa struktur ayat perintah dapat dianalisis dengan lebih jelas melalui pergerakan kata kerja dan gabungan fitur dalam teori minimalis. Penemuan ini memperkukuh keupayaan Program Minimalis untuk menjelaskan variasi sintaksis dalam pelbagai dialek Melayu. Di samping itu, kajian oleh Asridayani et al. (2024) mengenai struktur sintaksis dalam bahasa Toba Batak mendapati bahawa Program Minimalis membantu memahami proses pengguguran argumen dan pergerakan unsur leksikal yang tidak dapat dijelaskan sepenuhnya melalui teori tradisional. Kajian ini mengukuhkan keberkesanan Program Minimalis sebagai kerangka teori yang fleksibel dan lebih lengkap.

3. Metodologi Kajian

3.1 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan pengumpulan data melalui borang soal selidik terbuka serta pemerhatian. Pendekatan ini dipilih kerana ia dapat memberikan gambaran mendalam mengenai penggunaan ayat perintah dalam konteks sebenar. Kawasan kajian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dipilih kerana UKM menawarkan program linguistik dan subjek kajian yang terpilih merangkumi pelajar-pelajar sarjana muda linguistik tahun akhir (tiga) dalam lingkungan umur 21 hingga 25 tahun menjadikan pemilihan pelajar-pelajar ini lebih bermakna. Dalam pada itu, mereka mempunyai pola fikir serta cara menggunakan ayat perintah yang mungkin berbeza berbanding dengan golongan bukan pelajar atau lingkungan umur yang berbeza. Kajian ayat perintah terhadap aspek lisan dan bukan lisan serta komunikasi golongan remaja juga kurang dilakukan. Pemilihan responden ini adalah wajar kerana pelajar-pelajar universiti adalah antara golongan yang kerap menggunakan ayat perintah sewaktu komunikasi harian. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar-pelajar sarjana muda linguistik tahun tiga UKM sering terlibat dalam situasi yang memerlukan mereka untuk menggunakan ayat perintah dalam perbualan harian seperti situasi ‘rakan-rakan yang membuat bising di dalam perpustakaan’ dan ‘ingin mengajak rakan ke sesuatu tempat’. Oleh itu, wajarlah kawasan kajian yang didiami oleh responden pelajar program linguistik UKM ini dipilih.

Populasi kajian terdiri daripada pelajar linguistik tahun tiga UKM. Seramai 44 orang responden dipilih berdasarkan carta Krejcie dan Morgan (1970) untuk mewakili populasi keseluruhan. Pemilihan dibuat secara rawak bertujuan mendapatkan variasi penggunaan ayat perintah yang pelbagai. Kriteria pemilihan termasuk penguasaan Bahasa Melayu Standard (BMS) dan keterlibatan aktif dalam komunikasi harian. Instrumen utama ialah borang soal selidik yang mengandungi bahagian tertutup (Skala Likert) dan terbuka (penulisan ayat perintah). Kesahan instrumen diuji melalui uji rintis (*pilot test*) ke atas 10 orang pelajar. Hasil menunjukkan kebolehpercayaan kerana menunjukkan konsistensi tinggi dari segi jawapan responden. Data dikumpul dalam tempoh dua minggu oleh pengkaji dengan kebenaran rasmi fakulti. Semua responden diberikan borang persetujuan, dan kerahsiaan data dijamin.


3.2 Kerangka Teori

Program Minimalis adalah merupakan sebuah teori versi terbaharu dalam teori transformasi generatif. Teori ini telah diperkenalkan oleh Noam Chomsky pada tahun 1995 (Noam Chomsky, 1995). Program ini juga merupakan kerangka yang digunakan untuk menganalisis sesuatu struktur ayat yang ditambah baik daripada Teori Kuasaan dan Tambatan. Dalam nahu Program Minimalis, bahasa manusia boleh dikatakan terdiri daripada leksikon, kemudian diikuti oleh numerasi kemudiannya cetusan iaitu dibahagi kepada bentuk logik (Bentuk-L) dan bentuk fonologi (Bentuk-F). Kedudukan di antara leksikon dan

numerasi ini merupakan sintaksis nyata (*overt syntax*) manakala kedudukan di antara cetusan, bentuk logik dan bentuk fonologi merupakan sintaksis terselindung/ tak nyata (*covert syntax*). Teori ini diaplikasikan berdasarkan kerangka di bawah:

Rajah 1

Kerangka Program Minimalis



Sumber: Chomsky (2015)

Kerangka ini membuat andaian bahawa setiap leksikal itu wujud dalam bentuk dasar di dalam leksikon. Setiap leksikal pula diandaikan wujud dengan ciri-ciri fitur yang idiosinkratik untuk leksikal tersebut. Fitur itu boleh terdiri daripada fitur berinterpretasi dan fitur tak berinterpretasi. Leksikon yang menduduki aras paling atas dalam Program Minimalis merupakan kamus seseorang penutur dan satu andaian yang bersifat sejagat serta himpunan elemen yang dikenali sebagai kata. Susunan kata ini berada dalam keadaan tidak tertib dan kata ini dipanggil sebagai butir leksikal. Aras numerasi diandaikan sebagai aras yang pertama untuk leksikal berkenaan bergabung untuk membentuk frasa dan seterusnya ayat. Proses ini melibatkan cantuman dalam dan cantuman luar. Proses ini juga merupakan percantuman yang berlaku berdasarkan keserasian fitur antara satu sama lain. Pada aras cetusan, fitur-fitur tak berinterpretasi akan disemak dan dihapuskan (Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2020). Proses penyemakan fitur ini dikawal oleh prinsip penyemakan fitur untuk memastikan semua fitur yang tidak berinterpretasi disemak dan dihapuskan. Keseluruhan aras daripada aras leksikon sehingga aras cetusan boleh juga digabungkan untuk dikenali sebagai sintaksis nyata. Masih terdapat fitur-fitur yang berinterpretasi yang akan melepasi cetusan ke aras muka yang terdiri daripada bentuk logik (BL) dan bentuk fonetik (BF). Pada aras ini, sistem yang berkaitan akan mengambil alih sebelum leksikal yang telah digabungkan itu diujarkan sebagai ayat yang gramatis. Kedudukan di antara muka dikenali sebagai sintaksis tak nyata. Kerangka teori ini dapat diguna pakai untuk mengkaji ayat perintah selari dengan tajuk kajian disebabkan ayat perintah juga melalui proses penghasilan ayat dalam otak manusia. Kerangka Program Minimalis ini dapat memudahkan pengkaji dan audiens untuk memahami struktur sesebuah ayat setelah melihat proses pembentukan ayat melalui penghasilan rajah pohon. Prinsip ekonomi digunakan untuk menjelaskan kecenderungan pengguguran subjek dan penggunaan kata kerja dalam ayat perintah.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini menunjukkan analisis struktur ayat bagi keempat-empat jenis ayat perintah iaitu ayat silaan, permintaan, larangan dan suruhan dalam bahasa Melayu (BM) menggunakan kerangka Program Minimalis (PM) serta perbincangan terhadap penemuan yang diperoleh.

4.1 Analisis Kerangka Minimalis


4.1.1 Ayat Silaan

Ayat silaan ialah ayat perintah yang digunakan untuk menjemput, mengajak atau mempersilakan seseorang melakukan sesuatu perkara (*Kamus Linguistik*, 1982).

1. “Sila masuk rumah.”

Rajah 2

Rajah Pohon struktur ayat silaan dalam BM



Ayat 1 ini menunjukkan ayat yang terdiri daripada tiga leksikal iaitu *Sila*, *masuk*, *rumah* membentuk Kata Kerja Transitif (KKT). Leksikal *masuk* sebagai KK akan berada dalam numerasi dahulu. Maka proses pembentukan struktur dimulakan dengan menggabungkan (*merge*) elemen *masuk* dan *rumah*. KK *masuk* ini adalah KK Transitif (KKT) di mana jenis ini memerlukan argumen dalaman dan luaran bagi memenuhi peranan tetanya. Peranan untuk teta KK *masuk* ialah agen sebagai argumen luaran dan tema sebagai argumen dalaman. Argumen dalaman bagi KK *masuk* dipenuhi oleh elemen *rumah*. Maka *rumah* telah menduduki posisi komplement yang mendapat peranan teta sebagai sasaran.

Selepas berlakunya proses gabung tiba masanya untuk proses semakan dan menilai (*checking and valuing*) terhadap fitur pemilihan k. KKT *masuk* mempunyai fitur berinterpretasi [K] dan mempunyai fitur tidak berinterpretasi [uN]. KN *rumah* pula mengandungi fitur tidak berinterpretasi [N]. Oleh sebab itu, mengikut prinsip penyemakan fitur, fitur tidak berinterpretasi uN dapat disemak oleh fitur berinterpretasi N. Maka, KK *masuk* dan KN *rumah* telah bergabung membentuk FK secara gramatis. Seterusnya k (k kecil) dipilih menjadi pasangan FK dan membentuk k' (k tanda), k kecil ini pula membentuk struktur cantuman apabila meletus kepada dua bahagian yang diisi oleh KK *masuk* (yang digerakkan dari posisi FK dan membentuk bekas <*masuk*> di posisi yang asal) dan [ukala:]. k kecil mempunyai fitur tak berinterpretasi [uN] dan fitur berkenaan diprojeksikan dari k ke k' untuk membolehkan fitur tak berinterpretasi berkenaan disemak.

Derivasi seterusnya telah memilih SPEK (*sila*) sebagai pasangan k' kerana ayat ini belum mempunyai subjek. *Sila* mewakili subjek yang diandaikan digugurkan dan berada di posisi SPEK (Noam Chomsky, 1994). Fk juga akan menduduki posisi SPEK Fkala kerana kasus nominal yang ada dan diperlukan untuk memenuhi pemilihan fitur N pada k kecil yang telah diunjurkan kepada k'. SPEK *sila* ini akan bergabung dengan k' dan membentuk Fk. SPEK *sila* yang mempunyai fitur berinterpretasi [N] ini bersesuaian dengan fitur tak berinterpretasi [uN] pada k' dan membolehkan fitur tak berinterpretasi berkenaan disemak. Kata Tugas (KT) *sila* berfungsi sebagai kata perintah dalam ayat tersebut namun menduduki posisi SPEK sebagai subjek ayat.

Dalam tatabahasa tradisional bahasa Melayu, kata *sila* sering diklasifikasikan sebagai kata tugas yang berfungsi sebagai adverb sopan atau kata perintah lembut. Kata ini lazimnya digunakan untuk menyampaikan arahan secara halus misalnya dalam ayat seperti “*Sila duduk*” atau “*Sila masuk rumah*.”

iaitu contoh ayat di atas. Walau bagaimanapun, dalam analisis sintaksis yang lebih mendalam, khususnya menerusi pendekatan struktur ayat SPEK (Subjek-Predikat) dan tatabahasa fungsional, timbul satu andaian bahawa *sila* boleh berfungsi sebagai subjek ayat. Hal ini berpunca daripada pemerhatian bahawa *sila* mengawal mood perintah dan mendahului unsur predikat dalam struktur ayat tersebut, satu ciri yang kebiasaannya dimiliki oleh subjek (Halliday & Matthiessen, 2004). Dalam konteks ini, *sila* bertindak sebagai elemen yang mempengaruhi keseluruhan makna dan arah perbuatan dalam ayat, maka secara fungsionalnya ia mengambil tempat subjek, meskipun tidak semestinya dalam bentuk nominal.

Hal ini disokong oleh kajian Abdullah Hassan (1994) dalam buku beliau “Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia” yang menjelaskan bahawa unsur seperti *sila*, *harap* dan *tolong* boleh dianggap sebagai inti ayat atau penanda fungsi perintah yang menggantikan kehadiran eksplisit pelaku. Tambahan pula, Asmah Haji Omar (1993) dalam “Susur Galur Bahasa Melayu” turut menyatakan bahawa dalam ayat perintah, pelaku selalunya diandaikan. Pelaku sering digugurkan dan diganti secara pragmatik oleh kata seperti *sila* yang seterusnya mengambil fungsi sebagai unsur subjek dari segi fungsi pragmatik dan sintaksis.

Pembinaan struktur seterusnya diteruskan dengan memilih kala sebagai pasangan Fk yang bergabung menghasilkan kala'. Kala kini dipilih menjadi pasangan Fk kerana dalam binaan Fk masih terdapat fitur tak berinterpretasi yang belum disemak iaitu [ukala:]. Proses keserasian iaitu *agree* digunakan bagi menyemak fitur fungsian (*functional category*) kala kini. Proses keserasian ini merupakan proses yang menyemak fitur dengan memberi nilai. Sesuatu fitur akan memperoleh nilai dari fitur berinterpretasi yang sepadan. Kala dalam derivasi berkenaan mempunyai fitur berinterpretasi [kini] dari fitur EPP (*Extended Projection Principle*). Maka penyemakan fitur yang tidak berinterpretasi [ukala:] melalui proses keserasian boleh dilakukan berikutan fitur yang berinterpretasi. Maka, kala [kini] yang memerintah k [ukala:] akan menilainya dengan fitur [kini] bagi menghasilkan [ukala: kini]. Setelah dinilai melalui proses keserasian, fitur tak berinterpretasi dapat disemak.


SPEK *sila* dalam Fk bergerak bagi mengisi aspek Fkala dan menjadi subjek ayat. Pergerakan SPEK *sila* penting kerana SPEK *sila* perlu ditandakan dengan kasus. Oleh itu, berlaku pergerakan *sila* yang meninggalkan bekas <*sila*> di posisi Fk bagi menjadi pasangan kepada kala'. Seterusnya SPEK *sila* dan kala' bergabung membentuk Fkala.

Semua fitur tak berinterpretasi dalam derivasi berkenaan dinilai dan disemak. Setelah disemak, barulah boleh dipadamkan bagi memenuhi kekangan IP (Interpretasi Penuh). Selepas cetusan, ayat “Sila masuk rumah.” dicetuskan sebagai ayat kala kini. Kesemua fitur tak berinterpretasi telah disemak dan dipadamkan. Tiada lagi fitur tak berinterpretasi yang akan disemak dan dipadamkan. Oleh itu, struktur tersebut boleh dihantar melepasi cetusan untuk membentuk ujaran yang gramatis. Melalui rajah pohon di atas, didapati bahawa Kata Tugas (KT) *sila* yang berada pada posisi subjek tetap berfungsi sebagai kata perintah yang mengukuhkan lagi kala bagi ayat perintah tersebut.

4.1.2 Ayat Permintaan

Ayat permintaan ialah ayat perintah yang digunakan untuk meminta sesuatu daripada orang lain secara sopan (*Kamus Linguistik*, 1982). Ia melibatkan kehendak penutur yang mahu mendapatkan bantuan, objek atau perkhidmatan daripada pendengar.

2. “Boleh tolong berhati-hati?”

Rajah 3*Rajah Pohon struktur ayat permintaan dalam BM*

Berdasarkan contoh 2, ayat tersebut terdiri daripada leksikal *boleh*, *tolong*, *berhati-hati* yang membentuk ayat jenis kata kerja tak transitif tak ergatif (KKT Transitif Tak Ergatif). Menurut Hassan (1994), kata *tolong* dalam ayat ini ialah kata tugas berbentuk adverbs apabila berfungsi sebagai penanda fungsi komunikasi (perintah/ permintaan). Derivasi dibentuk dari struktur bawah dahulu sebelum beralih ke struktur yang seterusnya mengikut kepada perspektif Program Minimalis. Maka proses pembentukan struktur dimulakan dengan gabungan elemen *berhati-hati* dan *tolong*. Elemen *berhati-hati* adalah merupakan KK tak transitif (KKT Transitif). Maka KK *berhati-hati* hanya memerlukan argumen luaran bagi memenuhi peranan tetanya. Peranan untuk teta KK *berhati-hati* ialah agen sebagai argumen luaran. Elemen *tolong* merupakan Kata Adverbs (KAdv) yang menduduki posisi komplemen dan mempunyai peranan teta sebagai penerima.

Selepas berlakunya proses gabung, berlaku pula proses semakan dan memberi nilai (*checking and voicing*) terhadap fitur pemilihan k. Bagi fitur pemilihan k pula ialah fitur pemilihan kategori yang terdapat dalam leksikal akan menentukan kategori leksikal mana yang perlu hadir untuk menggabungkan dengan leksikal berkenaan. KK *berhati-hati* sebagai KKT Transitif mempunyai fitur berinterpretasi [K] dan mempunyai fitur tak berinterpretasi (pemilihan-k) [uN]. Oleh itu, mengikut prinsip penyemakan fitur, fitur tak berinterpretasi uN tidak dapat disemak oleh fitur berinterpretasi N kerana tiada objek atau komplemen yang terlibat. Maka KK *berhati-hati* telah hadir sendiri secara gramatis. Seterusnya k (k kecil) dipilih menjadi pasangan FK dan membentuk k' (k tanda), k kecil ini pula membentuk struktur cantuman apabila meletus kepada dua bahagian yang diisi oleh KK *berhati-hati* (yang digerakkan dari posisi FK dan membentuk bekas <*berhati-hati*> di posisi yang asal) dan [ukala:]. k kecil mempunyai fitur tak berinterpretasi [uN] fitur berkenaan diprojsikan dari k ke k' untuk membolehkan fitur tak berinterpretasi berkenaan disemak.

Boleh *awak/ kamu* (Kata Ganti Nama diri nama kedua) *tolong* berhati-hati?

Boleh *pro* *tolong* berhati-hati?

Derivasi seterusnya telah memilih SPEK *pro* sebagai pasangan k' kerana ayat ini tidak mempunyai subjek. *pro* mewakili subjek yang diandaikan digugurkan dan berada di posisi SPEK (Noam Chomsky, 1994). SPEK *pro* ini akan bergabung dengan k' dan membentuk Fk. SPEK *pro* yang mempunyai fitur berinterpretasi [N] ini bersesuaian dengan fitur tak berinterpretasi [uN] pada k' dan

membolehkan fitur tak berinterpretasi berkenaan disemak. Seterusnya, kata bantu ragam *boleh* bergabung dengan Fk bagi menghasilkan FRagam. Keserasian (*agree*) fitur tak berinterpretasi akan dinilai dan disemak.

Pembinaan struktur seterusnya diteruskan dengan memilih kala sebagai pasangan Fk yang bergabung menghasilkan kala'. Kala kini dipilih menjadi pasangan Fk kerana dalam binaan Fk masih terdapat fitur tak berinterpretasi yang belum disemak iaitu [ukala:]. Proses keserasian iaitu *agree* digunakan bagi menyemak fitur fungsian (*functional category*) kala kini. Proses keserasian ini merupakan proses yang menyemak fitur dengan memberi nilai. Sesuatu fitur akan memperolehi nilai dari fitur berinterpretasi yang sepadan. Kala dalam derivasi berkenaan mempunyai fitur berinterpretasi [kini] dari fitur EPP (*Extended Projection Principle*) [uN]. Maka penyemakan fitur yang tidak berinterpretasi [ukala:] melalui proses keserasian boleh dilakukan. Setelah dinilai melalui proses keserasian, fitur tak berinterpretasi dapat disemak.

SPEK *pro* dalam Fk bergerak bagi mengisi aspek Fkala dan menjadi subjek ayat. Pergerakan SPEK *pro* penting kerana perlu ditandakan dengan kasus. Oleh itu dalam derivasi menunjukkan berlaku pergerakan *pro* yang meninggalkan bekas <*pro*> di posisi Fk bagi menjadi pasangan kepada kala'. Seterusnya SPEK *pro* dan kala' bergabung membentuk Fkala.

Semua fitur tak berinterpretasi dalam derivasi berkenaan telah dinilai dan disemak. Setelah disemak, barulah boleh dipadamkan bagi memenuhi kekangan IP (Interpretasi Penuh). Selepas cetusan, ayat “Boleh tolong berhati-hati?” dicetuskan sebagai ayat kala kini. Tiada lagi fitur tak berinterpretasi yang akan disemak dan dipadamkan. Oleh itu, struktur tersebut boleh dihantar melepasi cetusan untuk membentuk ujaran yang gramatis. Kata tugas berbentuk adverba *tolong* yang berada pada posisi Frasa Adverba (FAdv) berfungsi sebagai kata perintah yang mengukuhkan lagi ayat perintah tersebut.


4.1.3 Ayat Larangan

Ayat larangan ialah ayat perintah yang digunakan untuk melarang atau menghalang seseorang daripada melakukan sesuatu perkara (Kamus Linguistik, 1982). Tujuannya ialah untuk menyatakan bahawa sesuatu tindakan itu tidak dibenarkan atau tidak wajar dilakukan.

3. “Jangan langgar peraturan!”

Rajah 4

Rajah Pohon struktur ayat larangan dalam BM



Berdasarkan kepada contoh 3, ayat tersebut terdiri daripada leksikal seperti *jangan*, *langgar*, *peraturan*. Derivasi dibentuk dari struktur bawah dahulu sebelum beralih ke struktur yang seterusnya mengikut kepada perspektif Program Minimalis. Maka proses pembentukan struktur dimulakan dengan menggabungkan (*merge*) elemen *langgar* dan *peraturan*. Menurut Hassan (1994), kata *jangan* dalam ayat ini ialah kata tugas berbentuk adverba apabila berfungsi sebagai penanda fungsi komunikasi (perintah/ permintaan). Elemen *langgar* adalah merupakan KK transitif (KKT). Maka KK *langgar* memerlukan argumen dalaman dan luaran bagi memenuhi peranan tetanya. Peranan untuk teta KK *langgar* ialah agen sebagai argumen luaran dan tema sebagai argumen dalaman. Argumen dalaman bagi KK *langgar* dipenuhi oleh elemen *peraturan*. Maka *peraturan* telah menduduki posisi komplemen yang mendapat peranan teta sebagai penderita.

Selepas berlakunya proses gabung tiba masanya untuk proses semakan dan menilai (*checking and valuing*) terhadap fitur pemilihan k. KKT *langgar* mempunyai fitur berinterpretasi [K] dan mempunyai fitur tidak berinterpretasi [uN]. KN *peraturan* pula mengandungi fitur tidak berinterpretasi [N]. Oleh sebab itu, mengikut prinsip penyemakan fitur, fitur tidak berinterpretasi uN dapat disemak oleh fitur berinterpretasi N. Maka, KK *langgar* dan KN *peraturan* telah bergabung membentuk FK secara gramatis. Seterusnya k (k kecil) dipilih menjadi pasangan FK dan membentuk k' (k tanda), k kecil ini pula membentuk struktur cantuman apabila meletus kepada dua bahagian yang diisi oleh KK *langgar* (yang digerakkan dari posisi FK dan membentuk bekas <*langgar*> di posisi yang asal) dan [ukala:]. k kecil mempunyai fitur tak berinterpretasi [uN] dan fitur berkenaan diprojeksikan dari k ke k' untuk membolehkan fitur tak berinterpretasi berkenaan disemak.

Jangan engkau/ kamu (Kata Ganti Nama Diri Kedua) langgar peraturan!
Jangan pro langgar peraturan!

Derivasi seterusnya telah memilih SPEK (*pro*) sebagai pasangan k' kerana ayat ini tidak mempunyai subjek. *pro* mewakili subjek yang diandaikan digugurkan dan berada di posisi SPEK (Noam Chomsky, 1994). Fk juga akan menduduki posisi SPEK Fkala kerana kasus nominal yang ada dan diperlukan untuk memenuhi pemilihan fitur N pada k kecil yang telah diunjurkan kepada k'. SPEK *pro* ini akan bergabung dengan k' dan membentuk Fk. SPEK *pro* yang mempunyai fitur berinterpretasi [N] ini bersesuaian dengan fitur tak berinterpretasi [uN] pada k' dan membolehkan fitur tak berinterpretasi berkenaan disemak.

Pembinaan struktur seterusnya diteruskan dengan memilih kala sebagai pasangan Fk yang bergabung menghasilkan kala'. Kala kini dipilih menjadi pasangan Fk kerana dalam binaan Fk masih terdapat fitur tak berinterpretasi yang belum disemak iaitu [ukala:]. Proses keserasian iaitu *agree* digunakan bagi menyemak fitur fungsian (*functional category*) kala kini. Proses keserasian ini merupakan proses yang menyemak fitur dengan memberi nilai. Sesuatu fitur akan memperoleh nilai dari fitur berinterpretasi yang sepadan. Kala dalam derivasi berkenaan mempunyai fitur berinterpretasi [kini] dari fitur EPP (*Extended Projection Principle*). Maka penyemakan fitur yang tidak berinterpretasi [ukala:] melalui proses keserasian yang boleh dilakukan berikutan fitur yang berinterpretasi. Maka, kala [kini] yang memerintah k [ukala:] akan menilainya dengan fitur [kini] bagi menghasilkan [ukala: kini]. Setelah dinilai melalui proses keserasian, fitur tak berinterpretasi dapat disemak.

SPEK *pro* dalam Fk bergerak bagi mengisi aspek Fkala dan menjadi subjek ayat. Pergerakan SPEK *pro* penting kerana SPEK *pro* perlu ditandakan dengan kasus. Oleh itu, dalam derivasi menunjukkan berlaku pergerakan *pro* yang meninggalkan bekas <*pro*> di posisi Fk bagi menjadi pasangan kepada kala'. Seterusnya SPEK *pro* dan kala' bergabung membentuk Fkala.

Semua fitur tak berinterpretasi dalam derivasi berkenaan telah dinilai dan disemak. Setelah disemak, barulah boleh dipadamkan bagi memenuhi kekangan IP (Interpretasi Penuh). Selepas cetusan, ayat “Jangan langgar peraturan!” dicetuskan sebagai ayat kala kini. Tiada lagi fitur tak berinterpretasi yang akan disemak dan dipadamkan. Oleh itu, struktur tersebut boleh dihantar melepasi cetusan untuk membentuk ujaran yang gramatis. Melalui rajah pohon di atas didapati bahawa Kata Tugas (KT) berbentuk adverba *jangan* yang berada pada posisi Frasa Adverba (FAdv) berfungsi sebagai kata perintah yang mengukuhkan lagi ayat perintah tersebut.


4.1.4 Ayat Suruhan

Ayat suruhan ialah ayat perintah yang digunakan untuk mengarah atau menyuruh seseorang melakukan sesuatu (Kamus Linguistik, 1982). Ia menyatakan kehendak penutur secara terus dan tegas dan lazim digunakan dalam konteks autoriti seperti guru kepada murid, majikan kepada pekerja atau ibu bapa kepada anak

4. “Weh, perlahankan suara!”

Rajah 5

Rajah Pohon struktur ayat suruhan dalam BM



Berdasarkan kepada contoh 4, ayat tersebut terdiri daripada leksikal seperti *weh*, *perlahankan*, *suara*. Berbeza dengan contoh-contoh ayat perintah yang lain, ayat suruhan ini tidak dimulakan dengan perkataan yang spesifik (*tolong*, *sila*, *jom*, *mari*, *jangan*) untuk menandakan perintah. Derivasi dibentuk dari struktur bawah dahulu sebelum beralih ke struktur yang seterusnya mengikut kepada perspektif Program Minimalis. Maka proses pembentukan struktur dimulakan dengan menggabungkan (*merge*) elemen *perlahankan* dan *suara*. Elemen *perlahankan* adalah merupakan KK transitif (KKT). Maka KK *perlahankan* memerlukan argumen dalaman dan luaran bagi memenuhi peranan tetanya. Peranan untuk teta KK *perlahankan* ialah agen sebagai argumen luaran dan tema sebagai argumen dalaman. Argumen dalaman bagi KK *perlahankan* dipenuhi oleh elemen *suara*. Maka *suara* telah menduduki posisi komplemen seperti dalam 4(i) yang mendapat peranan teta sebagai penderita. Kata *weh* pula menduduki posisi Frasa Adverba (FAdv) yang hanya berfungsi sebagai kata seruan dalam ayat.

Selepas berlakunya proses gabung tiba masanya untuk proses semakan dan menilai (*checking and valuing*) terhadap fitur pemilihan k. KKT *perlahankan* mempunyai fitur berinterpretasi [K] dan mempunyai fitur tidak berinterpretasi [uN]. KN *suara* pula mengandungi fitur tidak berinterpretasi [N]. Oleh sebab itu, mengikut prinsip penyemakan fitur, fitur tidak berinterpretasi uN dapat disemak oleh fitur berinterpretasi N. Maka, KK *perlahankan* dan KN *suara* telah bergabung membentuk FK secara gramatis. Seterusnya k (k kecil) dipilih menjadi pasangan FK dan membentuk k' (k tanda), k kecil ini pula membentuk struktur cantuman apabila meletus kepada dua bahagian yang diisi oleh KK *perlahankan* (yang digerakkan dari posisi FK dan membentuk bekas <*perlahankan*> di posisi yang asal) dan [ukala:]. k kecil mempunyai fitur tak berinterpretasi [uN] dan fitur berkenaan diprojeksikan dari k ke k' untuk membolehkan fitur tak berinterpretasi berkenaan disemak.

Weh awak/ kamu/ nama orang (Kata Ganti Nama Diri Kedua), perlahan suara.
Weh *pro*, perlahan suara.

Derivasi seterusnya telah memilih SPEK (*pro*) sebagai pasangan k' kerana ayat ini tidak mempunyai subjek. *pro* mewakili subjek yang diandaikan digugurkan dan berada di posisi SPEK (Noam Chomsky, 1994). Fk juga akan menduduki posisi SPEK Fkala kerana kasus nominal yang ada dan diperlukan untuk memenuhi pemilihan fitur N pada k kecil yang telah diunjurkan kepada k'. SPEK *pro* ini akan bergabung dengan k' dan membentuk Fk. SPEK *pro* yang mempunyai fitur berinterpretasi [N] ini bersesuaian dengan fitur tak berinterpretasi [uN] pada k' dan membolehkan fitur tak berinterpretasi berkenaan disemak.

Pembinaan struktur seterusnya diteruskan dengan memilih kala sebagai pasangan Fk yang bergabung menghasilkan kala'. Kala kini dipilih menjadi pasangan Fk kerana dalam binaan Fk masih terdapat fitur tak berinterpretasi yang belum disemak iaitu [ukala:]. Proses keserasian iaitu *agree* digunakan bagi menyemak fitur fungsian (*functional category*) kala kini. Proses keserasian ini merupakan proses yang menyemak fitur dengan memberi nilai. Sesuatu fitur akan memperoleh nilai dari fitur berinterpretasi yang sepadan. Kala dalam derivasi berkenaan mempunyai fitur berinterpretasi [kini] dari fitur EPP (*Extended Projection Principle*). Maka penyemakan fitur yang tidak berinterpretasi [ukala:] melalui proses keserasian yang boleh dilakukan berikutan fitur yang berinterpretasi. Maka, kala [kini] yang memerintah k [ukala:] akan menilainya dengan fitur [kini] bagi menghasilkan [ukala: kini]. Setelah dinilai melalui proses keserasian, fitur tak berinterpretasi dapat disemak.

SPEK *pro* dalam Fk bergerak bagi mengisi aspek Fkala dan menjadi subjek ayat. Pergerakan SPEK *pro* penting kerana SPEK *pro* perlu ditandakan dengan kasus. Oleh itu, dalam derivasi menunjukkan berlaku pergerakan *pro* yang meninggalkan bekas <*pro*> di posisi Fk bagi menjadi pasangan kepada kala'. Seterusnya SPEK *pro* dan kala' bergabung membentuk Fkala.

Semua fitur tak berinterpretasi dalam derivasi berkenaan dinilai dan disemak. Setelah disemak, barulah boleh dipadankan bagi memenuhi kekangan IP (Interpretasi Penuh). Selepas cetusan, ayat "Weh, perlahan suara." dicetuskan sebagai ayat kala kini. Tiada lagi fitur tak berinterpretasi yang akan disemak dan dipadankan. Oleh itu, struktur tersebut boleh dihantar melepasi cetusan untuk membentuk ujaran yang gramatis.

4.2 Perbincangan

Berdasarkan analisis rajah pohon yang telah dibina bagi setiap jenis ayat perintah, dapat dirumuskan bahawa kesemua ayat perintah yang digunakan oleh pelajar linguistik tahun tiga mematuhi prinsip ekonomi sintaksis yang ditonjolkan dalam Program Minimalis. Pengguguran subjek dan penggantian kepada *small pro* dalam rajah pohon merupakan salah satu ciri dominan yang dikesan pada semua jenis ayat perintah, iaitu ayat silaan, permintaan, larangan dan suruhan. Proses derivasi ayat perintah dalam rajah pohon menunjukkan bagaimana unsur leksikal digabungkan melalui operasi cantuman dalaman (*merge*) dan cantuman luaran seterusnya disemak di aras cetusan sebelum diterjemahkan ke bentuk logik (BL) dan bentuk fonetik (BF).

Penemuan menunjukkan bahawa ayat silaan seperti "Sila masuk rumah." cenderung menggunakan bentuk ringkas tanpa subjek, selaras dengan prinsip minimalis. Rajah pohon akhir memperlihatkan bahawa fitur tak berinterpretasi berjaya disemak pada aras cetusan, lalu menghasilkan struktur ayat yang gramatis dan efisien. Penemuan ini menyokong dapatan Fazal Mohammed Mohammed Sultan & Grace Wong Bee Yan (2023) dalam kajian iklan, di mana penggunaan bentuk perintah ringkas tanpa subjek berfungsi mempengaruhi audien secara langsung dan cepat.

Bagi ayat permintaan, contohnya "Boleh tolong berhati-hati?", didapati bahawa pelajar memilih untuk tidak meletakkan subjek demi memelihara kesantunan dan kejelasan maksud. Kata Bantu Ragam/ Modal "boleh" juga memainkan peranan penting dalam penyampaian perintah yang menunjukkan sifat lembut dan sopan daripada penutur kepada pendengar. Hasil ini sejajar dengan penemuan Kartika Puspadari (2016) yang mendapati bahawa bentuk permintaan dalam novel Indonesia juga menonjolkan

kesantunan melalui pengguguran subjek. Namun, kajian terdahulu tersebut tidak mengaitkannya dengan analisis sintaksis mendalam seperti dalam kajian ini.

Dalam ayat larangan seperti "Jangan langgar peraturan!", analisis rajah pohon memperlihatkan bahawa elemen larangan "jangan" berfungsi sebagai unsur penanda negatif yang mendahului kata kerja tanpa kehadiran subjek eksplisit. Struktur ini menekankan aspek autoritatif ayat perintah. Penemuan ini seiring dengan kajian Hasnah Mohammad et al. (2014) yang mendapati bahawa ayat larangan digunakan untuk menunjukkan kuasa dan hierarki sosial dalam karya sastera. Namun begitu, kajian ini memperkukuh bukti dengan menjelaskan mekanisme sintaksis dalaman melalui kerangka Program Minimalis, sesuatu yang tidak disentuh oleh kajian lepas tersebut.

Bagi ayat suruhan pula, seperti "Weh, perlahankan suara", rajah pohon akhir menunjukkan bahawa kata kerja utama menduduki posisi fokus sintaksis, manakala unsur subjek telah digugurkan kerana *small pro* mewakili subjek yang diandaikan gugur dan berada di posisi SPEK (Noam Chomsky, 1994). Hal ini menyokong prinsip ekonomi dan keberkesanan penyampaian. Penemuan ini juga konsisten dengan dapatan Tenti Budiastuti (2020) yang menunjukkan ayat suruhan digunakan secara ringkas dan tegas dalam wacana politik. Walau bagaimanapun, kajian terdahulu hanya membahas fungsi retorik tanpa menganalisis struktur dalaman ayat secara mendalam seperti yang dilakukan dalam kajian ini.

Secara tuntasnya, penemuan kajian ini menyokong dan memperkukuh dapatan kajian lepas bahawa ayat perintah cenderung bersifat ringkas, jelas dan efektif dalam menyampaikan maksud. Walau bagaimanapun, kajian ini memperluas pemahaman dengan memberikan bukti sintaksis yang terperinci melalui rajah pohon yang dihasilkan berasaskan Program Minimalis (PM). Penggunaan rajah pohon membantu memperlihatkan pergerakan kata kerja dan operasi sintaksis yang menjelaskan mengapa ayat perintah cenderung menggugurkan subjek demi mencapai prinsip ekonomi. Kajian ini seterusnya memberi sumbangan baharu kepada bidang linguistik, khususnya dalam konteks sintaksis bahasa Melayu dengan membuktikan keberkesanan teori Program Minimalis dalam menganalisis ayat perintah secara mendalam dan sistematik.

5. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, kajian ini mendapati bahawa pelajar sarjana muda linguistik tahun tiga di UKM menggunakan ayat perintah secara meluas dalam komunikasi harian mereka, khususnya ayat silaan, permintaan, larangan dan suruhan. Penemuan penting menunjukkan bahawa subjek dalam ayat perintah yang dipendam oleh penutur iaitu Kata Ganti Nama (KGN) dipengaruhi oleh *small pro* sebagai pengganti SPEK/ subjek tanpa menjejaskan proses derivasi dan penyampaian arahan/ perintah penutur kepada pendengar. Pengguguran subjek melalui penggunaan *small pro* berlaku secara konsisten dalam semua jenis ayat perintah, sekali gus mematuhi prinsip ekonomi sintaksis dalam kerangka Program Minimalis yang diperkenalkan oleh Noam Chomsky (1995). Analisis mendalam melalui rajah pohon sintaksis telah membuktikan bahawa semua ayat perintah tersebut dihasilkan secara gramatis dan memenuhi keperluan fungsi komunikasi yang berkesan serta cepat difahami pendengar. Kajian ini mengukuhkan lagi keberkesanan teori Program Minimalis dalam menjelaskan pembentukan ayat perintah bahasa Melayu, di samping memperluas pemahaman tentang bagaimana struktur dalaman ayat dibina sebelum diujarkan.

Dari segi implikasi praktikal, kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pendidik bahasa, pereka kurikulum dan pelajar linguistik untuk memahami keunikan ayat perintah dalam konteks tempatan, serta memperbaiki cara pengajaran sintaksis dan komunikasi efektif di bilik darjah. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa batasan seperti saiz sampel yang terhad kepada 44 orang pelajar dan hanya tertumpu kepada satu universiti, yang mungkin tidak mewakili keseluruhan populasi pelajar di Malaysia. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk melibatkan populasi yang lebih besar dan pelbagai latar belakang, termasuk universiti lain atau konteks masyarakat umum, bagi mendapatkan gambaran lebih menyeluruh tentang variasi ayat perintah. Selain itu, penggunaan himpunan data tulen dan autentik seperti teks bertulis atau rakaman lisan yang dikumpulkan daripada penggunaan bahasa sebenar dalam konteks sosial yang sebenar iaitu bukan data yang direka-reka (korpus data sebenar); dan analisis prosodi

juga wajar diteroka dalam kajian akan datang untuk memperkukuh dapatan sintaksis dan pragmatik ayat perintah dalam bahasa Melayu.

Rujukan

- Abdullah Hassan. (1980). *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Fajar Bakti.
- Asridayani, Ketut Artawa, Nyoman Udayana & Ketut Widya Purnawati. (2024). The Argument Structure of Intransitive Verbs in Toba Batak Language Aek Kanopan Dialect: A Grammatical Typology Analysis. *International Journal of Multidisciplinary Research and Analysis*, 7(11), 5273-5281.
- Burhan Murshidi Baharon, Karim Harun & Rusydiah A. Salam. (2021). Pemerolehan Sintaksis Bahasa Melayu dalam Kalangan Kanak-kanak Berusia Lima Tahun. *Jurnal Melayu*, 20(2), 314-328.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1997). *Kamus Linguistik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fauzi Azmi, Saiful Johari Musahar, Janudin Sardi & Muhamad Zaidi Zakaria. (2021). Kajian Kontrasif terhadap Persamaan Implikatur Ayat Peintah dalam Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(4), 104-117.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2009). Struktur sintaksis frasa nama bahasa Bateq. *Gema Online Journal of Language Studies*, 9(1), 47-61.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Grace Wong Bee Yan. (2023). Analisis Struktur Sintaksis Iklan Barang-Barang Sukan dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 27(1), 1-21.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & M.R. Ramli. (2015). Kata ganti nama dalam bahasa Mendriq. *Gema Online Journal of Language Studies*, 15(3), 67-82.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Najiha Suhaimi. (2012). Kata soal dalam Dialek Kedah. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2), 475-493.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nur Affika Ahmad. (2020). Kata Kerja Bantu dalam Dialek Melayu Kedah: Satu Analisis Program Minimalis. *Jurnal Bahasa*, 20(1), 79-108.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nurul Afiah Mohamad. (2021). Analisis Kata Kerja Bantu Dalam Dialek Melayu Terengganu Menggunakan Program Minimalis. *Jurnal Linguistik*, 25(2), 1-19.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Sarah Nur Najwa Mohd Nasir. (2020). Kata Kerja Bantu Dialek Kelantan: Analisis Kerangka Program Minimalis. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 1-15.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Syafika Atika binti Othman. (2021). Frasa topik dan fokus dalam bahasa Melayu: Analisis Program Minimalis. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(2), 195-214.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Harishon Radzi. (2010). Kata Kerja Transitif Bahasa Mendriq: Kerangka Program Minimalis. *Jurnal Melayu*, (5), 409-423.
- Gitonga Jackline & Henry S. Nandelenga. (2022). A Minimalist Analysis of the Syntactic Structure of the Prepositional Phrase in Kiigembe. *GPH-International Journal of Social Science and Humanities Research*, 5(4), 30-43.
- Hasnah Mohammad, Raja Masittah Raja Ariffin & Siti Mahani Angetarian. (2014). Ayat Perintah dalam Novel Kabus di Perbukitan. *Jurnal Linguistik*, 18(2), 19-20.
- Kartika Puspendari. (2021). The Command and Prohibition Sentences Achievement of the First Semester Students of English Department of Kutai Kartanegara University. *Intelegensia: Jurnal Pendidikan Dan Pembelajaran*, 1(2), 45-54.
- Noam Chomsky. (1995). *The Minimalist Program*. MIT Press.
- Nobert Ombati Basweti, MA Elizabeth A. Achola, David Barasa & James Nyachae Michira. (2015). Ekegusii DP and its Sentential Symmetry: A Minimalist Inquiry. *International Journal of Language and Studies*, 2(2), 93-107.
- Nik Sarifah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Jamilah Rosly & Maslida Yusof. (2018). Representasi Argumen Struktur Konseptual bagi Kata Kerja Kausatif Bahasa Melayu dan Hubungannya dengan Sintaksis. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 18(4), 143-167.

Biodata Penulis

Muhamad Haszif Muhamad Yusof merupakan pelajar Sarjana Muda di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik sesi 2022/2023, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan merupakan pensyarah kanan di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Sintaksis.